

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 24**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a. Apakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk mengubah suai sistem pembelajaran sekolah menengah untuk meningkatkan pendedahan dan pengetahuan memandangkan remaja 18 tahun akan mempunyai hak mengundi ; dan
- b. Adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan yang teliti untuk mengelakkan supaya aktiviti sekolah serta pusat pengajian tinggi tidak dimanipulasi oleh parti politik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran murid sebagai persediaan menjadi pengundi apabila mereka berumur 18 tahun kelak. KPM telah memasukkan tajuk dan kandungan yang berkaitan dengan pilihan raya dalam kurikulum Sejarah yang sedang dilaksanakan pada masa kini. Tajuk ini diajar kepada murid secara berbeza-beza mengikut aras dan tahap keupayaan murid sama ada di peringkat rendah atau menengah. Selain daripada mata pelajaran Sejarah, pelaksanaan Pendidikan Sivik di sekolah juga memberi pendedahan kepada murid tentang literasi politik pengundi muda dengan membincangkan beberapa tajuk seperti Sistem Demokrasi Berparlimen, Pemupukan Jati Diri, Sistem Raja Berperlembagaan, Rukun Negara, Semangat Patriotik dan Cintai Malaysia.

Selain daripada pendedahan melalui kurikulum dan kokurikulum, murid juga akan terlibat dengan pemilihan ketua murid melalui model ala pilihanraya. KPM dengan kerjasama Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) menjalankan sesi sindikasi dan simulasi pemilihan ketua murid melalui mekanisme pilihanraya sebagai projek rintis di sekolah. KPM berpandangan pelaksanaan model pilihanraya yang dikendalikan oleh SPR perlu disesuaikan dengan skop dan tujuan proses pemilihan ketua murid sekolah.

Dapatan program rintis tersebut dijadikan asas kepada penyediaan garis panduan pelaksanaan proses pilihanraya di sekolah bagi tujuan pemilihan ketua murid. Bagi tujuan tersebut, KPM akan mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) baharu yang akan memberikan kebenaran kepada pihak sekolah memperluas penggunaan “speakers corner” sebagai platform calon pengawas murid mempromosi keupayaan diri dan membenarkan proses pemilihan ala pilihanraya di sekolah. SPI baharu ini akan membatalkan SPI Bil. 5 Tahun 2010 yang melarang pilihanraya diadakan di sekolah bagi tujuan pemilihan ketua murid.

Selain daripada itu, KPM juga sedang meneliti kebolehlaksanaan syor Jawatankuasa Dasar Pendidikan Negara (JKDPN) bagi menambah baik penyampaian pendidikan termasuklah syor-syor yang berkaitan kurikulum yang berkaitan perubahan hak mengundi dalam kalangan pelajar di sekolah dan peringkat pendidikan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

- b. KPM juga sentiasa berusaha untuk memastikan unsur politik tidak mempengaruhi urusan sekolah dalam usaha menghasilkan modal insan yang seimbang dan berjiwa patriotik. Namun begitu, KPM tidak pernah menetapkan sebarang dasar yang menghalang Ahli Yang Berhormat atau wakil rakyat daripada menghadiri program-program yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Dalam hal ini, Kementerian mengeluarkan garis panduan kepada pentadbir sekolah melalui Surat Pekeliling Iktisas (SPI) Bil.3/2008: Mengundang Orang-orang Kenamaan ke Upacara Sekolah dan Penggunaan Premis Sekolah oleh Pihak Luar. Tujuan SPI ini adalah untuk memastikan program yang dijalankan di sekolah mencapai objektif yang ditetapkan dan untuk memastikan kemudahan yang terdapat di sekolah tidak disalahguna oleh pihak luar.

Semua majlis di sekolah yang melibatkan orang-orang kenamaan atau individu tertentu hendaklah mendapat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan melalui Pengarah Pendidikan Negeri. Keutamaan diberikan kepada YB Menteri Pendidikan, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Pengarah Pendidikan Negeri atau wakil-wakil mereka untuk majlis perasmian samada di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), PPD atau pun di peringkat sekolah.

Di peringkat pendidikan tinggi, KPM telah melaksanakan beberapa pendekatan bagi memperkasakan peranan mahasiswa (*student empowerment*) sejajar dengan penerapan konsep kasih sayang, kegembiraan, hormat menghormati dan manusiawi (*love, happiness, mutual respect and humanity*).

## NO. SOALAN : 24

Mahasiswa juga diberi kebebasan penuh dalam pelaksanaan Pilihanraya Kampus (PRK) melalui penubuhan Jawatankuasa Pilihanraya Pusat (CEC) universiti masing-masing yang akan menentukan proses-proses kerja, tarikh PRK serta perkara berkaitan selagi mematuhi peruntukan perundangan.

Pihak KPM juga sedang dalam merangka pelaksanaan kerjasama bersama-sama Suruhanjaya pilihanraya (SPR) melalui Akademi Pilihanraya (APR) bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada mahasiswa tentang hak-hak mereka sebagai warganegara Malaysia dan juga sebagai pengundi yang bertanggungjawab serta mampu melaksanakannya dengan berkesan.

Pengenalan konsep universiti sebagai medan ilmu yang terbuka juga diharapkan dapat menyampaikan mesej kepada mahasiswa bahawa setiap kebebasan datang bersama kebertanggungjawaban demi melahirkan mahasiswa yang holistik, berdaya saing dan mampu menjulang nama negara di mata dunia.

Sekian, terima kasih.